



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 27-29 2023 (Sabtu- Isnin) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<p><b>JKM Johor Laksana Program Bagi Perlindungan Kanak-Kanak</b></p> <p><a href="https://mediadigitaljohor.gov.my/jkm-johor-laksana-program-bagi-perlindungan-kanak-kanak/">https://mediadigitaljohor.gov.my/jkm-johor-laksana-program-bagi-perlindungan-kanak-kanak/</a></p>	Media Digital Johor
2	<p><b>Wujud 'Hamba Abdi' Kanak-Kanak Di Kuala Langat</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/971447/wujud-hamba-abdi-kanak-kanak-di-kuala-langat">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/971447/wujud-hamba-abdi-kanak-kanak-di-kuala-langat</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/05/27/lima-kanak-kanak-asing-jadi-buruh-paksa-diselamatkan/">https://malaysiagazette.com/2023/05/27/lima-kanak-kanak-asing-jadi-buruh-paksa-diselamatkan/</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>Malaysia Gazette</p>
3	<p><b>Kerajaan Negeri Pahang Akan Teliti Kes Maisarah</b></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/05/28/kerajaan-negeri-pahang-akan-teliti-kes-maisarah/">https://malaysiagazette.com/2023/05/28/kerajaan-negeri-pahang-akan-teliti-kes-maisarah/</a></p>	Malaysia Gazette

	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/260626/berita/semasa/anak-meraung-terpaksa-berpisah-dengan-ibu">https://www.sinarharian.com.my/article/260626/berita/semasa/anak-meraung-terpaksa-berpisah-dengan-ibu</a>	Sinar Harian
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/polis-siasat-dakwaan-kanak-kanak-9-tahun-didera-ketika-berada-di-bawah-jagaan-bapa/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/polis-siasat-dakwaan-kanak-kanak-9-tahun-didera-ketika-berada-di-bawah-jagaan-bapa/</a>	Utusan
4	<b>Budak 6 Tahun Stabil, Masih Dirawat Di Hospital</b> <a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/28/budak-6-tahun-stabil-masih-dirawat-di-hospital/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/28/budak-6-tahun-stabil-masih-dirawat-di-hospital/</a> <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/kanak-kanak-perempuan-hilang-24-jam-selepas-keluar-bermain-ditemukan-selamat/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/kanak-kanak-perempuan-hilang-24-jam-selepas-keluar-bermain-ditemukan-selamat/</a>	Kosmo Utusan
5	<b>Kerajaan Digesa Tarik Balik Rayuan Keputusan Beri Kanak-Kanak Sijil Kelahiran</b> <a href="https://www.malaysiakini.com/news/666629">https://www.malaysiakini.com/news/666629</a>	Malaysia Kini
6	<b>Rumah Terbakar, Dua Remaja, Kanak-Kanak Ditemui Cedera Panjat Bumbung</b> <a href="https://www.buletintv3.my/nasional/rumah-terbakar-dua-remaja-kanak-kanak-ditemui-cedera-panjat-bumbung/">https://www.buletintv3.my/nasional/rumah-terbakar-dua-remaja-kanak-kanak-ditemui-cedera-panjat-bumbung/</a>	Buletin TV3
7	<b>Bayi Lapan Bulan Derita Penyakit Kulit, Usus, Lidah Pendek</b> <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/260464/video/berita-semasa-video/bayi-lapan-bulan-derita-penyakit-kulit-usus-lidah-pendek">https://www.sinarharian.com.my/article/260464/video/berita-semasa-video/bayi-lapan-bulan-derita-penyakit-kulit-usus-lidah-pendek</a> <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/pasangan-oku-lembam-perlu-rm2500-sebulan-untuk-anak-hidap-penyakit-ekzema/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/pasangan-oku-lembam-perlu-rm2500-sebulan-untuk-anak-hidap-penyakit-ekzema/</a> <a href="https://headtopics.com/my/pasangan-oku-lembam-perlu-rm2-500-sebulan-untuk-anak-hidap-penyakit-ekzema-39491673">https://headtopics.com/my/pasangan-oku-lembam-perlu-rm2-500-sebulan-untuk-anak-hidap-penyakit-ekzema-39491673</a>	Sinar Harian Utusan Head Topics
8	<b>MyAirline Siasat Isu Pemakaian Tali Pinggang Keledar Bayi</b> <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/260481/berita/semasa/myairline-siasat-isu-pemakaian-tali-pinggang-keledar-bayi">https://www.sinarharian.com.my/article/260481/berita/semasa/myairline-siasat-isu-pemakaian-tali-pinggang-keledar-bayi</a>	Sinar Harian

	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/26/myairline-mohon-maaf-isu-tali-pinggang-keledar-bayi/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/26/myairline-mohon-maaf-isu-tali-pinggang-keledar-bayi/</a>	Kosmo
9	<p>Tanpa Jemu Berdoa Bayi Bebas Kanser Hati</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/971094/tanpa-jemu-berdoa-bayi-bebas-kanser-hati">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/971094/tanpa-jemu-berdoa-bayi-bebas-kanser-hati</a></p>	Harian Metro
10	<p>Reman Suspek Kes Bunuh Wanita Hamil Akan Dilanjut</p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1107268/reman-suspek-kes-bunuh-wanita-hamil-akan-dilanjut">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1107268/reman-suspek-kes-bunuh-wanita-hamil-akan-dilanjut</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/260471/berita/semasa/tikaman-di-dada-punca-kematian-wanita-dibunuh-teman-lelaki">https://www.sinarharian.com.my/article/260471/berita/semasa/tikaman-di-dada-punca-kematian-wanita-dibunuh-teman-lelaki</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1106416/wanita-hamil-dibunuh-dibakar-punca-kematian-akibat-tikaman-di-dada">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1106416/wanita-hamil-dibunuh-dibakar-punca-kematian-akibat-tikaman-di-dada</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/29/kes-bunuh-bakar-teman-wanita-hamil-reman-suspek-akan-dilanjut/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/29/kes-bunuh-bakar-teman-wanita-hamil-reman-suspek-akan-dilanjut/</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Berita Harian</p> <p>FMT</p>
11	<p>Wanita Perlu Diberi Peluang Saksama Dalam Kewartawanan</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/971224/wanita-perlu-diberi-peluang-saksama-dalam-kewartawanan">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/971224/wanita-perlu-diberi-peluang-saksama-dalam-kewartawanan</a></p>	Harian Metro
12	<p>Wanita Mengaku Tidak Bersalah Dera Anak Perempuan</p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/26/wanita-mengaku-tidak-bersalah-dera-anak-perempuan">https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/26/wanita-mengaku-tidak-bersalah-dera-anak-perempuan</a></p>	Utusan Borneo
13	<p>Ibu Tunggal Kudung Kedua Kaki, 2 Anak Hidap Penyakit Kronik</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/971704/ibu-tunggal-kudung-kedua-kaki-2-anak-hidap-penyakit-kronik">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/971704/ibu-tunggal-kudung-kedua-kaki-2-anak-hidap-penyakit-kronik</a></p>	Harian Metro
14	<p>Warga Emas Gagal Dapat Gelaran ‘Datuk Seri’, Rugi RM571,000</p>	

	<p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/warga-emas-gagal-dapat-gelaran-datuk-seri-rugi-rm571000/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/warga-emas-gagal-dapat-gelaran-datuk-seri-rugi-rm571000/</a></p> <p><a href="https://suara.tv/26/05/2023/warga-emas-rugi-lebih-setengah-juta-ringgit-kempunan-dapat-gelaran-datuk-seri/">https://suara.tv/26/05/2023/warga-emas-rugi-lebih-setengah-juta-ringgit-kempunan-dapat-gelaran-datuk-seri/</a></p> <p><a href="https://www.mynewshub.tv/2023/05/warga-emas-gagal-dapat-gelaran-datuk-seri-rugi-rm571000/">https://www.mynewshub.tv/2023/05/warga-emas-gagal-dapat-gelaran-datuk-seri-rugi-rm571000/</a></p>	<p>Utusan</p> <p>Suara TV</p> <p>My News Hub</p>
15	<p><b>Kematian Warga Emas Semasa Operasi Anjing Liar Diklasifikasi Mati Mengejut</b></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/27/kematian-warga-emas-semasa-operasi-anjing-liar-diklasifikasi-mati-mengejut/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/27/kematian-warga-emas-semasa-operasi-anjing-liar-diklasifikasi-mati-mengejut/</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/27/tiada-unsur-jenayah-kematian-warga-emas-semasa-operasi-anjing-liar/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/27/tiada-unsur-jenayah-kematian-warga-emas-semasa-operasi-anjing-liar/</a></p> <p><a href="https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kematian-warga-emas-semasa-operasi-anjing-liar-diklasifikasikan-mati-mengejut-HD11030722">https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kematian-warga-emas-semasa-operasi-anjing-liar-diklasifikasikan-mati-mengejut-HD11030722</a></p> <p><a href="https://bernama.com/bm/news.php?id=2192848">https://bernama.com/bm/news.php?id=2192848</a></p>	<p>FMT</p> <p>Kosmo</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Bernamea</p>
16	<p><b>Warga Emas ‘Hilang’ Wang Simpanan Rm129,800 Ditipu Polis Palsu</b></p> <p><a href="https://www.getaran.my/artikel/semasa/47596/warga-emas-hilang-wang-simpanan-rm129800-ditipu-polis-palsu">https://www.getaran.my/artikel/semasa/47596/warga-emas-hilang-wang-simpanan-rm129800-ditipu-polis-palsu</a></p>	<p>Getaran</p>
17	<p><b>Lelaki OKU Rentung Dalam Kebakaran Rumah</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/260509/berita/semasa/lelaki-oku-rentung-dalam-kebakaran-rumah">https://www.sinarharian.com.my/article/260509/berita/semasa/lelaki-oku-rentung-dalam-kebakaran-rumah</a></p> <p><a href="https://www.msn.com/en-my/news/berita/lelaki-oku-rentung-dalam-kebakaran-rumah/ar-AA1bKyaC?li=AAAHkOw">https://www.msn.com/en-my/news/berita/lelaki-oku-rentung-dalam-kebakaran-rumah/ar-AA1bKyaC?li=AAAHkOw</a></p>	<p>Sinar Harian</p> <p>MSN</p>
18	<p><b>Suami Oku Bantu Alih Motosikal, Isteri Sedih Rakyat Malaysia Tidak Peka Fungsi Laluan ‘Tactile’</b></p> <p><a href="https://www.hotfm.audio/suami-oku-bantu-alih-motosikal-isteri-sedih-rakyat-malaysia-tidak-peka-fungsi-laluan-tactile/">https://www.hotfm.audio/suami-oku-bantu-alih-motosikal-isteri-sedih-rakyat-malaysia-tidak-peka-fungsi-laluan-tactile/</a></p>	<p>Hot FM</p>

<https://negaramerdeka.com/lelaki-oku-alih-sendiri-motosikal-isteri-luah-rasa-sedih-penunggang-tidak-peka-fungsi-laluan-tactile/>

Negara Merdeka

<https://www.thevocket.com/suami-oku-bantu-alih-motosikal-isteri-sedih-rakyat-malaysia-tidak-peka-fungsi-laluan-tactile/#elementor-action%3Aaction%3Dpopup%3Aclose%26settings%3DeyJkb19ub3Rfc2hvd19hZ2FpbiI6Ij9>

The Vocket com

## JKM JOHOR LAKSANA PROGRAM BAGI PERLINDUNGAN KANAK-KANAK

<https://mediadigitaljohor.gov.my/jkm-johor-laksana-program-bagi-perlindungan-kanak-kanak/>

Sumber : Media Digital Johor



**ISKANDAR PUTERI** — Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor (JKMNJ) telah melaksanakan program latihan kepada ‘Child Support Team Johor’ dengan menggunakan Modul Lindungi Permata Johor Tahun 2023, baru-baru ini.

Menurut kenyataan JKMNJ, modul berkenaan dibangunkan melalui kerjasama antara pihaknya dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Katanya, ia merupakan inisiatif Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri Johor, Khairin-Nisa Ismail yang bertujuan untuk meningkatkan latihan dan kemahiran individu yang terlibat dalam mengendalikan kes-kes perlindungan kanak-kanak di negeri Johor.

“Program latihan yang bersasar ini akan dilaksanakan membabitkan lapan siri dan melibatkan individu serta ahli komuniti seperti pemimpin tempatan, sukarelawan kebajikan, pengendali pertubuhan sukarela kebajikan kanak-kanak.

“Selain itu, ia juga akan pengasuh TASKA berdaftar, ahli Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak, ahli Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak, serta Pembantu Pelindung yang telah diwartakan di Negeri Johor dan mereka yang mempunyai keterlibatan rapat dengan kanak-kanak,” jelas kenyataan JKMNJ di Facebook rasminya.

Terdahulu, siri pertama program latihan telah berlangsung pada 15 Mei 2023 hingga 17 Mei 2023, dengan melibatkan 38 orang peserta.

Antara objektif utama program itu memberi latihan kepada individu atau sukarelawan yang bekerja dengan kanak-kanak untuk meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan komitmen dalam menguruskan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan.

“Program ini juga bertujuan memberikan pengetahuan tentang perkembangan kanak-kanak dan budaya mereka serta memberi kemahiran dalam membantu mengakses masalah kanak-kanak dan dokumen yang berkaitan.

“Ia juga bertujuan melindungi hak kanak-kanak daripada segala bentuk bahaya, termasuk eksploitasi, diskriminasi dan penderaan dengan menjamin perkembangan yang sihat dalam aspek fizikal, sosial, emosi dan mental selaras dengan Dasar Kanak-Kanak Negara,” jelas kenyataan itu lagi.

JKMNJ berharap pelaksanaan Program Latihan ‘Child Support Team Johor’ menggunakan Modul Lindungi Permata Johor itu memberi kesan positif kepada individu dan ahli komuniti yang terlibat membantu menguruskan kes kanak-kanak yang mengalami penderaan dan pengabaian.

## **WUJUD 'HAMBA ABDI' KANAK-KANAK DI KUALA LANGAT**

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/971447/wujud-hamba-abdi-kanak-kanak-di-kuala-langat>

**Sumber : Harian Metro**



Kuala Lumpur: Lima kanak-kanak warga asing dikesan dieksploitasi sebagai buruh paksa di sebuah kilang memproses barang terpakai di Teluk Panglima Garang, Selangor.

Bagaimanapun semua mereka berjaya diselamatkan sepasukan anggota Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman hasil serbuan di premis itu pada jam 5.45 petang semalam.

Kejayaan itu hasil risikan Bahagian AntiPemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (ATIPSOM), sejak beberapa bulan lalu bersama Pasukan Khas Majlis Anti Pemerdagangan Orang, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Tenaga Kerja.

Sumber berkata, serbuan sama juga membawa kepada penangkapan 80 warganegara asing yang melakukan pelbagai kesalahan imigresen seperti tidak memiliki dokumen perjalanan sah serta menyalahgunakan pas permit kerja.

"Operasi ini mengenal pasti mangsa pemerdagangan orang berpandukan kepada indikator 'National Guideline on Human Trafficking Indicators'.

"Lima kanak-kanak warga asing yang diselamatkan mengikut Akta ATIPSOM 2007 terdiri daripada dua kanak-kanak perempuan warga Kemboja dan Myanmar serta dua kanak-kanak lelaki warga Myanmar dan seorang kanak-kanak lelaki warga Pakistan, semua berusia antara 16 hingga 17 tahun," katanya tadi.

"Semua kanak-kanak ini ditempatkan di rumah perlindungan kerajaan, manakala semua warga asing yang ditahan terdiri daripada 29 warga Kemboja, enam warga Bangladesh, 27 warga Myanmar, 13 warga Pakistan dan lima warga China direman selama 14 hari.

"Polis turut menangkap seorang lelaki warga tempatan yang disyaki pengurus kilang berkenaan dan seorang lelaki warga China disyaki berperanan sebagai penolong pengurus.

"Kedua-dua mereka direman selama empat hari bagi membolehkan siasatan lanjut mengikut Akta ATIPSOM dan Akta Imigresen 1959/1963," katanya.

## **KERAJAAN NEGERI PAHANG AKAN TELITI KES MAISARAH**

<https://malaysiagazette.com/2023/05/28/kerajaan-negeri-pahang-akan-teliti-kes-maisarah/>

**Sumber : Malaysia Gazette**

KUANTAN – Kerajaan Negeri Pahang menzahirkan keprihatinan dan sedia membantu kanak-kanak perempuan orang Asli yang menjadi mangsa perebutan hak jagaan setelah penceraian ibu bapanya yang tular di media sosial sejak kelmarin.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa Dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri, Datuk Seri Syed Ibrahim Syed Ahmad berkata, pihaknya akan menghulurkan bantuan sama ada dari aspek pendidikan, agama mahupun kebajikan kanak-kanak itu.

Jelasnya kerajaan negeri sedia memainkan peranan tanpa mempengaruhi atau menguasai keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah sebaliknya menerima keputusan badan perundangan itu.

”Isu Maisarah telah dibicarakan, dan kerajaan negeri pun bersimpati dan mengetahui isu ini setelah diputuskan oleh mahkamah. Kami (kerajaan negeri) tidak akan mengabaikannya seandainya mempunyai maklumat awal.

”Dari segi agama kita jaga kepentingan agama dia perlu bantuan kita sesuai dengan proses undang-undang. Dari segi kebajikan begitu juga, dari segi pendidikan juga dan semua.

”Dan saya sendiri sudah mengarahkan Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) untuk mengambil langkah proaktif dalam hal ini supaya anak ini jangan sampai terbiar.

Demikian reaksi beliau berhubung sebuah video tular seorang kanak-kanak perempuan dikenali sebagai Maisarah yang menangis teresak-esak sambil dipujuk oleh ibu kandungnya di perkarangan mahkamah di sini.

Menerusi video berdurasi 1 minit 31 saat itu, Maisarah berbaju merah jambu berpelukan dengan ibunya yang berpurdah sambil diperhatikan oleh pegawai polis wanita selepas selesai prosiding mahkamah berkaitan hak jagaan.

Kanak-kanak berusia 9 tahun merupakan anak kepada pasangan orang asli yang telah bercerai dan dijaga ibunya yang telah memeluk Islam.

Hantaran video tersebut dilaporkan dan dimuatnaik oleh pengengaruh Yuseri Yusuf di Instagram miliknya itu meraih sehingga lebih 100,000 tontonan.

Difahamkan kanak-kanak tersebut terbabit dengan kes dera, buli, serta dipaksa minum arak ketika di bawah jagaan ayahnya yang belum memeluk Islam serta dikatakan bersekedudukan dengan wanita lain.

Menyedari situasi itu, si ibu yang dikenali sebagai Aisyah kemudiannya bertindak melarikan anaknya ke Kuala Terengganu.

Ekoran itu, bekas suaminya memfailkan permohonan untuk mendapatkan hak penjagaan melalui Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang menyediakan khidmat peguam.

Mahkamah Tinggi Kuantan kemudiannya memerintahkan kanak-kanak terbabit diserahkan kepada bapanya menerusi perintah *'Habeas Corpus'* pada Khamis.

Jelas Syed Ibrahim berkata, kerajaan negeri akan membantu segala keperluan tanpa mengabaikan kanak-kanak itu dari semua segi termasuk mental dan emosi.

Bahkan beliau turut meminta Penasihat Undang-undang negeri ini meneliti apakah proses yang boleh dilaksanakan bagi membantu kebajikan kanak-kanak itu tanpa melanggar sebarang undang-undang berkaitan.

Mengulas lanjut, pihaknya menjelaskan kerajaan negeri tidak akan mengabaikan kemelut yang menimpa keluarga itu sekiranya mendapat maklumat awal.

Namun kes tersebut dikendalikan luar pengetahuan pihaknya yang mana Maisarah dan ibunya berada di luar Pahang ketika kejadian berlaku.

Malah, Syed Ibrahim turut menyokong usaha ibu kanak-kanak tersebut memfailkan rayuan berhubung kes berkenaan di Mahkamah Rayuan.

“Banyak agensi terlibat dalam kes ini seperti JAKOA, MUIP, JAIP dan JKM. Perlu ikut prosedur kalau ada maklumat sampai pengetahuan kami. Dia (Maisarah) orang Pahang tapi dia duduk di Terengganu jadi sukar untuk ambil tindakan segera.

”Ayahnya ada hak menjaga anak, walau bagaimanapun kami sokong hasrat keluarga si ibu untuk merayu sekiranya proses rayuan kepada kes ini untuk hak ibunya menjaga,” katanya. – MalaysiaGazette

## **BUDAK 6 TAHUN STABIL, MASIH DIRAWAT DI HOSPITAL**

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/28/budak-6-tahun-stabil-masih-dirawat-di-hospital/>

**Sumber : Kosmo**



SEBERANG PERAI – Kanak-kanak perempuan berusia enam tahun yang dijumpai selamat selepas dikatakan hilang selama hampir 24 jam, semalam, kini dilaporkan berada dalam keadaan stabil dan masih dirawat di Hospital Kepala Batas (HKB).

Ibu saudara kanak-kanak itu yang mahu dikenali sebagai Jiha berkata, keadaan Aisharafeeka Amanda atau lebih mesra disapa sebagai Sharifah kini lebih sihat berbanding ketika dijumpai semalam.

“Kami diberitahu, dia (Sharifah) di bawah jagaan polis dan ketika ini, keadaannya baik iaitu boleh makan, boleh bercakap dan sebagainya.

“Tapi, disebabkan kes ini masih dalam siasatan polis, kami pun tak dapat maklumat sangat untuk dikongsi ketika ini. Kena tunggu maklumat lanjut daripada pihak polis juga,” jelasnya.

Semalam, mangsa dijumpai orang awam di sebuah bangsal di tepi jalan Permatang Keriang, Penaga, kira-kira 2.4 kilometer dari lokasi kediamannya di Desa Kuala Muda, dekat sini pukul 6 petang.

Menurut polis, siasatan awal mendapati, kanak-kanak itu keluar dari rumahnya untuk bermain kira-kira pukul 1.30 tengah hari, namun tidak pulang ke rumah sehingga pukul 5 petang sebelum operasi mencari digerakkan dengan bantuan ahli keluarga serta penduduk kampung berkenaan. – KOSMO! ONLINE

## **KERAJAAN DIGESA TARIK BALIK RAYUAN KEPUTUSAN BERI KANAK-KANAK SIJIL KELAHIRAN**

<https://www.malaysiakini.com/news/666629>

**Sumber : Malaysia Kini**



Kerajaan digesa menarik balik rayuan terhadap perintah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, yang mengarahkan ketua pengarah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mengeluarkan sijil kelahiran kepada seorang kanak-kanak lelaki berusia lima tahun yang mencerminkan statusnya sebagai warganegara Malaysia.

Lawyers for Liberty (LFL) hari ini mengecam tindakan Putrajaya, dengan menyifatkan ia sebagai "rayuan yang tidak adil dan tidak perlu".

Dalam satu kenyataan, Pengarah LFL Zaid Malek mempersoalkan objektif kerajaan melalui rayuan itu apabila Menteri Dalam Negeri Saifuddin Nasution Ismail sudah mengakui bahawa ketiadaan kerakyatan adalah isu nasional yang serius.

Saifuddin, pada Januari lalu, telah menubuhkan jawatankuasa khas untuk menangani masalah tanpa kerakyatan di negara ini.

“Namun, rayuan ini menunjukkan kerajaan pimpinan Pakatan Harapan (PH) tidak serius menangani masalah tanpa kerakyatan.

"Lebih teruk lagi, ia terus mengekalkan masalah dengan memanjangkan isu apabila memfailkan rayuan yang tidak bermaruah untuk menjadikan kanak-kanak malang ini tiada kerakyatan seumur hidup," kata Zaid.

Semalam, dilaporkan bahawa peguam Marcus Lee, yang mewakili bapa kanak-kanak itu, berkata pihaknya menerima salinan notis rayuan yang difailkan oleh Jabatan Peguam Negara (AGC).

Bagaimanapun, Lee dilaporkan sebagai berkata oleh FMT bahawa pasukannya tidak mengetahui sebarang permohonan yang dibuat oleh AGC untuk menanggukkan perintah Mahkamah Tinggi yang dibuat pada 18 Mei, sementara menunggu pendengaran rayuan.

Pada 18 Mei, Mahkamah Tinggi memerintahkan JPN mengeluarkan sijil kelahiran dalam tempoh 30 hari bagi menggambarkan status kanak-kanak berusia lima tahun itu sebagai warganegara Malaysia.

FMT melaporkan bahawa Hakim Wan Ahmad Farid Wan Salleh mengakui laporan DNA, yang tidak dipertikaikan oleh JPN, mengesahkan bahawa pemohon adalah bapa kandung budak itu.

Dalam afidavit menyokong permohonan semakan kehakiman yang dibuat oleh bapa kanak-kanak itu pada Jun lalu, lelaki berusia 27 tahun itu berkata anaknya dilahirkan pada Julai 2018 di sebuah hospital swasta di Kuala Lumpur.

Ini, katanya, adalah sebulan sebelum perkahwinannya dengan wanita Vietnam, ibu kanan-kanak itu, didaftarkan.

Bagaimanapun, sijil kelahiran yang dikeluarkan oleh JPN mengklasifikasikan kanak-kanak itu sebagai bukan warganegara.

'Tiada justifikasi moral'

Zaid menegaskan bahawa tidak ada justifikasi moral bagi kerajaan untuk "menghukum" anak-anak luar nikah tanpa kerakyatan.

“Ini adalah asas utama kerajaan mahu menafikan status kanak-kanak itu sebagai rakyat Malaysia.

"Ia juga merupakan tindakan yang sangat tidak berhati perut yang menganiaya seorang kanak-kanak semata-mata," katanya.

Dia menambah bahawa mahkamah berhak memutuskan bahawa kanak-kanak itu adalah warganegara di bawah Perkara 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan kerana bapanya warga Malaysia, mengikut keputusan Mahkamah Persekutuan sebelum ini pada 2022.

“Keputusan Mahkamah Persekutuan oleh ketua hakim negara sendiri secara terang-terangan diabaikan oleh kerajaan dan menteri dalam negeri.

“Sebaliknya kerajaan pimpinan PH, yang berjanji berulang kali untuk melindungi hak asasi manusia, bertekad untuk menghalang anak kecil ini daripada mendapat hak asasinya untuk kewarganegaraan.

“Tanpa kewarganegaraan, masa depan kanak-kanak itu suram. Menjadi warga tanpa kerakyatan bukanlah sesuatu yang remeh; ia menghalang hak individu untuk pendidikan, penjagaan kesihatan dan mata pencarian keseluruhan.

"Tidak ada masa depan bagi mereka yang tidak mempunyai kerakyatan, sebab itu adalah sangat penting untuk menghapuskan ketiadaan kerakyatan," katanya.

Zaid menekankan pentingnya undang-undang mengenai kewarganegaraan diperluaskan dan tidak "dikembalikan sehingga merugikan kanak-kanak" yang tidak bersalah berhubung keadaan kelahiran mereka.

## **RUMAH TERBAKAR, DUA REMAJA, KANAK-KANAK DITEMUI CEDERA PANJAT BUMBUNG**

<https://www.buletintv3.my/nasional/rumah-terbakar-dua-remaja-kanak-kanak-ditemui-cedera-panjat-bumbung/>

**Sumber : Buletin TV3**



JOHOR BAHRU: Dua remaja dan seorang kanak-kanak ditemui di atas bumbung rumah selepas cedera akibat tiga rumah terbakar di Jalan Bakti 57, Taman Mutiara Rini, Skudai, semalam.

Mereka, Nur Hidayah Amir Hamzah, 19; Nur Syazliana Shamsudin, 18 dan adiknya, Muhamad Shahrukhan, 8, diselamatkan anggota bomba yang menerima maklumat kejadian pada 3.18 petang.

Komander Operasi daripada Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Skudai, Pegawai Bomba Kanan I Kamalrulzaman Salleh berkata, pihaknya menggunakan tangga untuk menyelamatkan remaja dan kanak-kanak itu serta memberi rawatan awal.

“Mereka kemudian dihantar ke Hospital Sultanah Aminah (HSA) untuk rawatan lanjut,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Menurutnya, kebakaran memusnahkan tiga rumah teres berstruktur kekal yang mana dua rumah musnah kira-kira 50 peratus, manakala sebuah lagi musnah 15 peratus.

“Kebakaran turut memusnahkan motosikal Yamaha LC135 sebanyak 30 peratus dan Suzuki Belang (30 peratus) serta SYM110 (30 peratus),” katanya.

Punca kejadian dan nilai kerugian masih dalam siasatan.

Operasi ditamatkan pada 5.11 petang.

## **BAYI LAPAN BULAN DERITA PENYAKIT KULIT, USUS, LIDAH PENDEK**

<https://www.sinarharian.com.my/article/260464/video/berita-semasa-video/bayi-lapan-bulan-derita-penyakit-kulit-usus-lidah-pendek>

**Sumber : Sinar Harian**

Pasangan orang kurang upaya (OKU) kategori lembam di Kampung Tanjong Kuala, Tumpat, Kelantan buntu memikirkan nasib bayi sulung mereka berusia lapan bulan yang menderita penyakit kulit sejak dilahirkan, lapor wartawan Sinar Harian, Hazelen Liana Kamarudin.

Lebih menyedihkan lagi apabila Muhammad Khair Haziq Muhammad Khairiel hanya mampu memakai lampin pakai buang sahaja susulan cuaca panas membahang yang sedang melanda ketika ini.

Cahaya mata kepada pasangan Muhammad Khairiel Mat Arif, dan Norhaslina Che Mud itu pada masa sama turut diuji dengan masalah usus serta lidah pendek

## **MYAIRLINE SIASAT ISU PEMAKAIAN TALI PINGGANG KELEDAR BAYI**

<https://www.sinarharian.com.my/article/260481/berita/semasa/myairline-siasat-isu-pemakaian-tali-pinggang-keledar-bayi>

**Sumber : Sinar Harian**



SHAH ALAM - Syarikat penerbangan MYAirline sedang menyiasat insiden pemakaian tali pinggang keledar bayi membabitkan salah seorang penumpangnya.

Ia susulan dakwaan pengalaman yang kurang memuaskan sewaktu pelanggan berkenaan menaiki pesawat itu.

MYAirline dalam satu kenyataan memaklumkan, mereka menyediakan tali pinggang keselamatan tambahan untuk bayi, sejajar dengan keperluan keselamatan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).

“Berdasarkan garis panduan kanak-kanak berumur 24 bulan dan ke bawah wajib dipangku oleh penjaga serta memakai tali pinggang tambahan.

“Namun, bagi kanak-kanak berumur 24 bulan dan ke atas perlu memakai tali pinggang keselamatan di tempat duduk mereka atas tujuan keselamatan,” ujarnya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Baru-baru ini, seorang individu yang menaiki penerbangan dari Langkawi ke Kuala Lumpur bersama isteri dan dua orang anak mendakwa mengalami pengalaman buruk apabila kru kabin dikatakan tidak memberi tali pinggang tambahan kepada anaknya yang berusia 2 tahun.

Menurutnya, kejadian itu menyebabkan mereka diarah keluar dari pesawat sekiranya kanak-kanak itu enggan duduk di kerusi penumpang.

Menerusi hantaran di Facebook, bapa kepada kanak-kanak itu menyatakan kecewa dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak syarikat berkenaan dan sehingga kini masih tiada maklum balas daripada mana-mana pihak.

Sementara itu, menurut MYAirline, mereka begitu kesal dengan kejadian tersebut dan memohon maaf kepada penumpang itu yang terkesan dengan perkhidmatan penerbangan kurang memuaskan.

“Kami sedang menyiasat untuk mengenal pasti jurang perkhidmatan agar dapat membuat tindakan yang sepatutnya supaya situasi ini tidak akan berulang di masa hadapan.

“Kami mengutamakan keselamatan dan kepuasan setiap penumpang khususnya kepada penjaga, ibu bapa yang melancong bersama anak-anak,” katanya.

## **TANPA JEMU BERDOA BAYI BEBAS KANSER HATI**

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/971094/tanpa-jemu-berdoa-bayi-bebas-kanser-hati>

**Sumber : Harain Metro**



Kuala Lumpur: Baru empat bulan 24 hari Nur Rania Alisha Muhammad Sharul Nizam dilahirkan ke dunia, namun bayi comel itu perlu berjuang melawan kanser hati atau hepatoblastoma.

Bayi itu didiagnosis penyakit berkenaan pada 16 Mac lalu dan baru selesai menjalani rawatan kimoterapi keempatnya di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Kuala Terengganu, semalam dan masih berbaki enam kali lagi rawatan itu.

Ibunya, Nur Farahin Alia Zamri, 26, berkata, anaknya yang dilahirkan kembar bersama Nur Rania Izzara akan menjalani kimoterapi seterusnya dan ujian pengimbasan tomografi berkomputer (CT Scan) pada 10 Jun depan.

Menurutnya, hatinya luluh melihat bayi sekecil Nur Rania Alisha berjuang melawan kanser dan menjalani rawatan, namun demi kesembuhan anak kesayangannya itu dia reda.

"Alhamdulillah, kembarnya, Nur Rania Izzara sihat. Nur Rania Alisha adalah pesakit kanser paling muda di wad dan doktor rancang 10 sesi rawatan kimoterapi serta pembedahan major untuk membuang sel kanser di hatinya.

"Peluang untuk anak sembuh tinggi kerana dia masih bayi dan tahapnya juga berisiko rendah tetapi kami tetap bimbang apabila membuat rawatan berlaku komplikasi tak diingini," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Nur Farahin Alia berkata, selain pembedahan memasang *chemoport*, Nur Rania Alisha juga melakukan pembedahan angin pasang (hernia) pada awal Ramadan lalu di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu.

Katanya, sebelum itu dia menyedari perut anaknya buncit pada usia dua bulan dan turut mengalami sesak nafas sebelum dibawa ke hospital.

"Selepas melakukan ujian darah, imbasan sinar-X, CT Scan, ultrasound dan Imbasan Pengimejan Resonans Magnetik (MRI) doktor sahkan anak saya menghidap penyakit itu.

"Ketika khabar itu diberitahu terasa gelap dunia saya dan ketika itu saya melaluinya berseorangan kerana suami (Muhammad Sharul Nizam Ahmad Mahput, 27) yang juga anggota Tentera Darat Diraja Malaysia (TDM) sedang dalam penugasan operasi di Sabah," katanya.

Promoter pensampelan produk itu berkata, dia dan suami sanggup melakukan apa saja demi melihat Nur Rania Alisha sembuh biarpun dia terpaksa bercuti tanpa gaji ketika ini.

"Suami juga yang sepatutnya bertugas di Sabah sehingga awal bulan depan terpaksa pulang awal kerana membantu menguruskan anak. Setiap kali anak masuk wad, saya dan suami bergilir-gilir menjaganya di hospital.

"Suami menemani anak pada waktu malam dan pagi giliran saya pula kerana suami perlu berkerja, sementara itu mak saya akan bantu jaga seorang lagi bayi di rumah dan kami tak boleh biarkan mak jaga terlalu lama kerana dia pesakit darah tinggi dan memerlukan tidur yang cukup," katanya.

Katanya, dia kuat menghadapi ujian getir itu dengan sokongan suami dan keluarga selain melihat kecekalan Nur Rania Alisha yang banyak memberi kerjasama dan kurang merengek ketika menjalani kimoterapi turut menguatkan semangatnya.

"Ramai sahabat kami termasuk di Tiktok dan kem suami memberi semangat, malah lagi menguatkan semangat saya apabila berjumpa ibu yang anak mereka juga pesakit kanser dan saya selalu pesan pada diri yang ujian orang lagi ada yang lebih berat daripada saya jadi saya perlu kuat semangat.

"Setiap hari tanpa jemu saya dan suami berdoa supaya anak kami bebas daripada kanser hati dan dia dapat membesar dengan sihat bersama kembarnya," katanya.

## REMAN SUSPEK KES BUNUH WANITA HAMIL AKAN DILANJUT

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1107268/remam-suspek-kes-bunuh-wanita-hamil-akan-dilanjut>

Sumber : Berita Harian



SUNGAI BESAR: Polis akan membuat permohonan lanjutan reman ke atas suspek disyaki **membunuh dan membakar** teman wanitanya yang hamil, sebelum membakar mayat mangsa di kebun kelapa sawit Jalan Sungai Limau, Isnin lalu.

Ketua Polis Daerah Sabak Bernam, Superintendan Agus Salim Mohd Alias, berkata permohonan lanjutan reman ke atas lelaki berusia 20 tahun itu akan dibuat hari ini.

Beliau berkata, suspek direman enam hari sebelum ini dan akan berakhir hari ini.

"Kita akan membawa lelaki itu ke Mahkamah Majistret Kuala Selangor pagi esok (pagi ini) (bagi memohon reman dilanjutkan)," katanya dalam kenyataan, malam tadi.

**Lelaki berkenaan ditahan** bagi membantu siasatan kes wanita hamil empat bulan dipercayai kekasihnya, yang mayatnya ditemui dalam keadaan terbakar di kawasan belukar kebun kelapa sawit Jalan Sungai Limau di sini, 23 Mei lalu.



Agus Salim (tengah) pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sabak Bernam, Rabu lalu. - NSTP/Amirul Aiman Hamsuddin

**Pembunuhan** dipercayai berpunca daripada suspek yang mahu merahsiakan kehamilan selepas melakukan hubungan sulit dengan mangsa berusia 21 tahun.

Kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Dalam perkembangan berkaitan, Agus Salim berkata, tindakan orang ramai menyebarkan spekulasi hanya akan mengganggu siasatan.

"Kebelakangan ini, polis mendapat pelbagai maklum balas orang awam dengan pelbagai maklumat disebar menerusi media sosial.

"Orang ramai diingatkan tidak menularkan sebarang komen atau kenyataan tidak benar dan sah," katanya.

Beliau berkata, polis tidak akan teragak-agak membuka kertas siasatan ke atas individu mengikut Seksyen 505 Kanun Keseksaan dan pendakwaan boleh dibuat mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

## WANITA PERLU DIBERI PELUANG SAKSAMA DALAM KEWARTAWANAN

<https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/971224/wanita-perlu-diberi-peluang-saksama-dalam-kewartawanan>

Sumber : Harian Metro



Ipoh: Wanita perlu diberikan peluang yang saksama di peringkat pengurusan dalam bidang kewartawanan oleh majikan, sekali gus menghapuskan stereotaip jantina dalam bidang itu.

Pengarang Kumpulan New Straits Times (NST) Farrah Naz Karim berkata isu berkenaan boleh dicapai, melalui sokongan pihak kerajaan melalui undang-undang yang memerlukan majikan memberi kesaksamaan kepada lelaki dan wanita.

"Ia akan memberi ruang yang lebih terbuka kepada wanita untuk berjaya dalam bidang ini, namun terpulang kepada peringkat atasan...semua tahu industri ini lebih ramai lelaki di atas, jadi berbalik kepada keupayaan staf mereka juga, sekiranya seseorang wanita ialah wartawan yang hebat dan mampu memberi pulangan yang baik kepada syarikat.

"Pemimpin wanita dalam industri akan menyediakan satu sistem yang baik dalam jabatan, juga untuk memastikan semua berjalan lancar," katanya ketika menjadi tetamu dalam program Ruang Bicara terbitan Bernama TV bertajuk 'Posisi Kanan Editorial, Wartawan Wanita Tidak Berbisa?', malam ini.

Farah Naz berkata penilaian terhadap wartawan untuk dipilih menjadi pemimpin sesuatu organisasi, juga tidak boleh dibuat berdasarkan peranan jantina dalam rumah tangga dan keluarga masing-masing, kerana lelaki turut mempunyai tanggungjawab sama seperti wanita.

"Ada juga pekerja lelaki di peringkat tinggi hendak balik awal untuk menjemput anak pulang dari sekolah, di mana bukan hanya wanita kerana di luar sana suami isteri ada peranan hampir sama di rumah, selain bekerja mereka perlu menjaga anak, jadi jangan lihat wanita sahaja yang perlu balik cepat," katanya.

Sementara itu, Ketua Bahagian Perancangan Strategik Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) Nur-ul Afida Kamaludin berkata wartawan wanita, perlu diberi peluang untuk mengembangkan keupayaan mereka ke peringkat tertinggi, termasuk menerusi bimbingan latihan dan kursus, sebagai persediaan untuk berada di kedudukan tersebut.

"Jika mereka berasa tidak diberi peluang secukupnya untuk mencapai tahap itu dan mereka mahu berada di kedudukan itu, mereka kena ambil inisiatif tersendiri untuk memperbaiki kedudukan mereka.

"Alhamdulillah di Bernama, boleh dikatakan kebanyakan wartawan kanan wanita kita telah diberi bimbingan, sewajarnya cuma menunggu masa dan peluang untuk berada di kedudukan itu," katanya.

Beliau berkata banyak perubahan positif yang boleh dilihat, apabila terdapat golongan wanita menyandang kedudukan sebagai ketua sesebuah meja berita, malah dilantik sebagai editor kanan di agensi berita itu sejak lebih sedekad lalu.

Dalam pada itu, Editor Eksekutif Digital Sinar Harian Ruzy Adila Idris berkata akhbar tempatan berkenaan pula berbeza, kerana pengurusannya dipelopori golongan wanita termasuklah yang memegang jawatan pengerusi dan ketua pegawai eksekutif, walaupun masih didominasi oleh golongan lelaki.

"Pada saya kerajinan dan ketekunan seseorang tidak mengira jantina tetapi individu. Ada masanya seseorang yang 'perform' dalam tugas, ada peringkat apabila berumah tangga akan kurang sekejap dan kita sebagai ketua, kena bantu mereka supaya tidak berputus asa," katanya.

## **WANITA MENGAKU TIDAK BERSALAH DERA ANAK PEREMPUAN**

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/26/wanita-mengaku-tidak-bersalah-dera-anak-perempuan>

**Sumber : Utusan Borneo**



KUCHING: Seorang penganggur wanita mengaku tidak bersalah apabila didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas tuduhan mendera anak perempuannya yang berusia 10 tahun sehingga mangsa mengalami kecederaan fizikal, minggu lalu.

Hakim Afidah Abdul Rahman membenarkan tertuduh, Safina John, 27, untuk diberikan ikat jamin RM15,000 tunai berserta dua penjamin tempatan.

Afidah juga menetapkan pengurusan kes pada 3 Julai ini bagi tertuduh mendapatkan khidmat nasihat peguam.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan 2016) (Akta 611) yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada 19 Mei lalu, sekitar jam 8 malam di sebuah flat di Program Perumahan Rakyat (PPR) Batu Gong di sini.

Difahamkan, laporan polis dibuat oleh jiran tertuduh setelah dikatakan mendengar bunyi mencurigakan dari rumah tertuduh.

Selain itu, difahamkan mangsa yang mengalami kecederaan di bahagian belakang badan dibawa ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

Terdahulu semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya Iezzah Iburdanisha Ibrahim menawarkan ikat jamin RM20,000 tunai kepada tertuduh dan syarat-syarat tambahan iaitu tidak boleh menghampiri mangsa yang kini berada di bawah jagaan bapanya (suami tertuduh) sehingga kes selesai, selain melaporkan diri ke balai polis berdekatan.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam bagaimanapun merayu agar jaminan dikurangkan kerana dia tidak bekerja dan tidak mempunyai penjamin.

## IBU TUNGGAL KUDUNG KEDUA KAKI, 2 ANAK HIDAP PENYAKIT KRONIK

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/971704/ibu-tunggal-kudung-kedua-kaki-2-anak-hidap-penyakit-kronik>

Sumber : Harian Metro



Kuantan : "Saudara yang datang melawat ada cakap saya kuat hadapi dugaan ini...hakikatnya tiada siapa tahu sebenarnya saya menangis sendirian," kata ibu tunggal yang juga orang kurang upaya (OKU), Zarina Mohd Ali.

Zarina, 59, bukan sahaja kehilangan kedua belah kakinya akibat penyakit kencing manis, malah tiga anaknya berusia 22 hingga 30 tahun juga disahkan menghidap penyakit kronik termasuk seorang daripadanya meninggal dunia pada Khamis lalu.

Anak bongsunya, Khairun Nisha Mohd Shamsuri, 22, meninggal dunia akibat penyakit buah pinggang yang dihidapinya.

Menurut ibu malang itu, dugaan demi dugaan menimpa keluarganya bermula dengan anak keduanya, Khairun Nabilah Mohd Shamsuri, 29, yang disahkan mengalami kegagalan fungsi buah pinggang sejak 2011 ketika berusia 17 tahun dan kini perlu menjalani rawatan dialisis sebanyak tiga hari seminggu.

"Kemudiannya pada 2016, kaki kiri saya terpaksa dipotong dari paras lutut kerana kencing manis, manakala kaki kanan pula dipotong kira-kira tiga tahun lalu.

"Kehidupan kami sekeluarga mula berubah selepas suami (Mohd Shamsuri Abdullah) meninggal dunia pada tahun 2017 akibat serangan jantung menyebabkan kami hilang tempat bergantung," katanya ketika ditemui di kediamannya di Sungai Isap Perdana di sini.

Bercerita lanjut, Zarina berkata, selepas itu anak bongsunya, Khairun Nisha pula didiagnos dengan kegagalan fungsi buah pinggang kira-kira dua tahun lalu dan perlu menjalani dialisis peritoneal ambulatori berterusan (CAPD).

"Pada awalnya, doktor mengesan Nisha mengalami kurang darah (anemia) selain dalam badannya dipenuhi toksin sebelum disahkan mengalami masalah buah pinggang dan perlu menjalani CAPD di rumah.

"Nisha pengsan dan dikejarkan ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) serta dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) disebabkan mengalami jangkitan kuman sebelum ini.

"Selepas tujuh hari bertarung nyawa, doktor mengesahkan Nisha gagal meneruskan rawatan dan disahkan meninggal dunia," katanya.

Tidak setakat itu, anak sulungnya yang menjadi tulang belakang keluarga, Mohd Amir Haziq, 30, juga disahkan mengalami masalah jangkitan kulit.

Menurutnya, penyakit itu menyebabkan Amir tidak boleh bergerak bebas dan hanya terlantar di rumah sejak November tahun lalu.

"Sejak menderita penyakit itu, Amir tidak mampu lagi untuk bekerja dan kini berada di HTAA kerana menerima rawatan," katanya.

Katanya, mereka sekeluarga kini hanya bergantung dengan wang persaraan arwah suaminya sebanyak RM1,200 sebulan.

Orang ramai yang ingin memberi sumbangan kepada Zarina dan keluarga boleh berbuat demikian menerusi akaun Bank Simpanan Nasional milik Zarina Mohd Ali di nombor akaun, 0610029000557768.

### **WARGA EMAS GAGAL DAPAT GELARAN 'DATUK SERI', RUGI RM571,000**

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/warga-emas-gagal-dapat-gelaran-datuk-seri-rugi-rm571000/>

**Sumber : Utusan**



KUANTAN: Keinginan seorang [kontraktor](#) untuk bergelar ‘Datuk Seri’ terkubur apabila kerugian sehingga RM571,000 akibat terpedaya dengan penipuan sedikit Macau Scam.

Ketua Polis negeri, Datuk Yahaya Othman berkata, mangsa berusia 63 tahun dihubungi suspek yang menyamar sebagai Datuk Pengelola Bijaya Istana Pahang.



YAHAYA OTHMAN

Menurutnya, suspek itu membuat panggilan menawarkan anugerah kebesaran negeri Pahang dengan membawa gelaran Datuk Seri.

“Berdasarkan laporan daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK), Pahang, mangsa mendapat panggilan telefon daripada suspek sekitar pertengahan Februari lalu.

“Melalui panggilan tersebut, suspek menyatakan mempunyai enam kuota anugerah kebesaran tersebut dan dengan itu mangsa dimaklumkan untuk membuat sumbangan untuk program-program istana.

“Mangsa berminat dengan tawaran yang dinyatakan dan turut mempelawa empat lagi kenalannya untuk turut serta mendapatkan gelaran tersebut,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Yahaya berkata, sehingga Mei lalu, suspek telah meminta mangsa melaksanakan beberapa sumbangan.

Jelasnya, sumbangan itu kononnya kepada pihak Istana Pahang yang telah menganjurkan pelbagai program.

“Mangsa melakukan kira-kira 32 transaksi kepada lima akaun bank berbeza sehingga keseluruhannya berjumlah RM571,000.

“Sumber kewangan yang disampaikan tersebut bukan sahaja daripada wang simpanan mangsa malah hasil dari kutipan wang sumbangan rakan-rakannya.

“Menyedari dirinya telah ditipu, mangsa kemudiannya membuat laporan polis dah kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu,” katanya. – [UTUSAN](#)

## KEMATIAN WARGA EMAS SEMASA OPERASI ANJING LIAR DIKLASIFIKASI MATI MENGEJUT

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/27/kematian-warga-emas-semasa-operasi-anjing-liar-diklasifikasi-mati-mengejut/>

Sumber : Free Malaysia Today



KUANTAN: Polis mengklasifikasikan kes kematian seorang warga emas yang didakwa rebah semasa operasi menangkap anjing liar di Taman Saga, Bentong pada Rabu lepas, yang tular melalui media sosial, sebagai mati mengejut.

Ketua Polis Bentong Zaiham Mohd Kahar berkata, bedah siasat yang dijalankan di Hospital Bentong mengesahkan punca kematian lelaki berusia 79 tahun itu adalah akibat “respiratory arrest secondary to acute exacerbation of chronic obstructive pulmonary disease”.

Beliau berkata, terdapat dua laporan polis dibuat pada hari kejadian, iaitu oleh petugas Majlis Perbandaran Bentong (MPB) berusia 55 tahun, dan anak perempuan mangsa berusia 53 tahun yang memaklumkan bapanya rebah dan penganan di depan rumah.

Polis juga selesai merakam percakapan petugas MPB itu dan anak mangsa, serta beberapa saksi kejadian.

“Sehubungan itu, semua pihak dinasihatkan untuk tidak membuat spekulasi berkaitan kejadian atau membuat komen tidak wajar melalui media sosial atau membangkitkan isu perkauman,” katanya menerusi kenyataan lewat malam tadi.

Zaiham juga memohon saksi kejadian untuk membantu siasatan dengan menghubungi bilik gerakan IPD Bentong melalui talian 09-2222222 atau balai polis berdekatan.

Pada Rabu, tular dakwaan seorang lelaki maut di Taman Saga semasa dikatakan cuba menghalang kakitangan majlis perbandaran menangkap anjing peliharaannya dalam operasi di kawasan perumahan berkenaan.

Sementara itu, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Pahang Johari Harun turut meminta orang ramai untuk menunggu hasil siasatan penuh pihak polis, dengan MPB memberikan sepenuh kerjasama kepada pihak berkuasa.

Beliau berkata, operasi kendalian Unit Haiwan Liar dan Terbiar, Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran, yang melibatkan 10 individu termasuk empat kontraktor dilantik MPB, dijalankan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

## **WARGA EMAS 'HILANG' WANG SIMPANAN RM129,800 DITIPU POLIS PALSU**

<https://www.getaran.my/artikel/semasa/47596/warga-emas-hilang-wang-simpanan-rm129800-ditipu-polis-palsu>

**Sumber : Getaran My**



KUALA LUMPUR - Seorang pesara kerajaan berputih mata selepas kerugian RM129,800 akibat terpedaya sindiket 'Phone Scam' yang menyamar sebagai anggota polis.

Ketua Polis Pahang, Datuk Yahaya Othman berkata, kejadian berlaku selepas wanita berusia 61 tahun itu menerima panggilan telefon daripada suspek yang menyamar sebagai anggota polis dari Bukit Aman.

Menurutnya, mangsa dimaklumkan bahawa dia terbabit dengan sindiket pemerdagangan manusia dan mempunyai waran tangkap.

“Mangsa kemudian diarah membuat tiga transaksi ke tiga akaun bank berbeza bagi tujuan siasatan.

“Selepas berbuat demikian, mangsa curiga kerana suspek masih meminta membuat pemindahan wang ke akaun berlainan,” katanya menerusi kenyataan hari ini.

Lebih menyedihkan, Yahaya memaklumkan, wang dibayar mangsa kepada suspek adalah simpanannya sendiri.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai yang menerima panggilan meragukan, segera membuat semakan dengan pihak polis atau agensi kerajaan berkenaan bagi mengelakkan mereka menjadi mangsa penipuan.

“Sekiranya diminta memberikan apa-apa maklumat perbankan, jangan dedahkan maklumat itu.

“Masyarakat juga dinasihatkan supaya kerap membuat semakan atas kemasukan atau pengeluaran wang mencurigakan dalam akaun sendiri, supaya tidak menjadi suspek keldai akaun,” katanya. - Getaran, 27 Mei 2023

## **LELAKI OKU RENTUNG DALAM KEBAKARAN RUMAH**

<https://www.sinarharian.com.my/article/260509/berita/semasa/lelaki-oku-rentung-dalam-kebakaran-rumah>

**Sumber : Sinar Harian**



GOMBAK - Seorang lelaki orang kurang upaya (OKU) maut, manakala abangnya terselamat dalam kebakaran di sebuah rumah dua tingkat di Taman Desa Country Homes di sini pada Sabtu.

Timbalan Pengarah Bomba Selangor, Wan Md Razali Wan Ismail berkata, mangsa dikenali Shia Cheng Guan, 56, ditemukan rentung selepas api berjaya dipadamkan sepenuhnya.

Wan Md Razali berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian itu pada jam 6.28 pagi.

"Seramai 11 anggota dan pegawai bersama jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Rawang bergegas ke lokasi kejadian.

"Kebakaran melibatkan sebuah bilik di tingkat bawah rumah teres tersebut dan kebakaran telah dipadamkan oleh orang awam sebelum pihak bomba tiba di lokasi kejadian.

"Kita telah membuat 'overhaul' bagi memastikan kebakaran padam sepenuhnya, seorang lelaki ditemukan rentung di dalam bilik," katanya.

Wan Md Razali berkata, semasa kejadian mangsa tinggal dengan abangnya berusia 65 tahun di rumah tersebut.

"Abang mangsa tidak mengalami kecederaan," katanya.

## SUAMI OKU BANTU ALIH MOTOSIKAL, ISTERI SEDIH RAKYAT MALAYSIA TIDAK PEKA FUNGSI LALUAN 'TACTILE'

<https://www.hotfm.audio/suami-oku-bantu-alih-motosikal-isteri-sedih-rakyat-malaysia-tidak-peka-fungsi-laluan-tactile/>

Sumber : Hot FM



Setiap stesen LRT dan MRT ada meletakkan permukaan pejalan kaki sentuhan (*tactile paving*) bagi memudahkan orang kurang upaya (OKU) berjalan dengan selamat.

Bagaimanapun ada segelintir individu yang tidak bertanggungjawab meletakkan motosikal mereka tempat-tempat tidak sepatutnya, termasuklah di atas *tactile paving*.

Menerusi satu video dimuat naik oleh Instagram @pandulaju, seorang wanita berasa sedih apabila melihat suaminya yang OKU terpaksa mengalihkan motosikal yang diletakkan di atas *tactile paving* bagi memudahkan golongan seperti ini melalui kawasan tersebut.